

Kata Ganti Nama Diri - Latihan Melengkapkan Ayat.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ sedang mahu memulangkan buku ke perpustakaan," kata Mila kepada Cikgu Yanti.

A. Saya

B. Aku

C. Kami

☐

2. Ali memberitahu bahawa _____ akan membantu ibu bapanya di dapur.

A. dia

B. beliau

C. mereka

☐

3. "Bolehkah _____ menolong saya membawa beg ini?" tanya Aisyah kepada Suzi.

A. awak

B. kita

C. qnda

☐

4. Guru itu menasihati murid-muridnya supaya _____ rajin belajar.

A. mereka

B. kamu

C. awak

☐

5. "Taatlh kepada ibu bapa _____ agar hidup lebih berkat," nasihat ketua pelajar itu kepada kawan-kawannya.

A. kamu

B. kita

C. anda

☐

6. "Kami akan pergi ke padang bola, adakah _____ mahu ikut?" tanya Ravi kepada Ramli.

A. tuanku

B. awak

C. anda

☐

7. Cikgu Liza memberitahu bahawa _____ akan mengadakan ujian minggu depan.

A. beliau

B. dia

C. mereka

☐

8. "Jangan risau, _____ akan menemani awak ke klinik," kata Anis kepada Maya.

A. saya

B. aku

C. kami

☐

9. "Mana Hanis dan Lisa. _____ tidak hadirkah?" tanya cikgu kepada Julia.

A. Awak

B. Mereka

C. Dia

☐

10. "Ibu mahu _____ pulang sebelum maghrib," beritahu Ayu kepada sahabatnya.

A. hamba

B. aku

C. kami

☐

11. "Encik, bolehkah _____ tunjukkan arah ke kedai buku?"

A. anda

B. awak

C. kamu

☐

12. "_____ cadangkan agar Daerah Buana diberikan peruntukan kewangan yang lebih banyak kerana kebanyakan penduduknya adalah kaum nelayan," Bendahara Malik mempersempahkan cadangannya kepada Sultan Borhan.

A. Beta

B. Patik

C. Hamba

☐

13. "_____ berjanji akan belajar bersungguh-sungguh, ayah, ibu," kata Sofia dan Badrul.

A. Kami

B. Kita

C. Saya

☐

14. "Ayah memberitahu bahawa _____ akan membawa kita bercuti hujung minggu ini."

A. dia

B. beliau

C. mereka

☐

15. Sultan Sallehuddin bertitah, "_____ sungguh berbesar hati atas kejayaan wakil negara kita."

A. Beta

B. Aku

C. Baginda

☐